

Tahun 1990 hanya tinggal kira-kira 7 tahun

SAHAM: B-PUTERA DICABAR

KUALA LUMPUR, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mencabar rakyat Bumiputera yang layak supaya melabur di dalam skim Amanah Saham Nasional (ASN).

Oleh **BUSTAMAM AHMAD**

Beliau mengingatkan tempoh "menuju tahun 1990 hanya tinggal kira-kira tujuh tahun lagi dan jika kita tidak bertindak sekarang bererti kita tidak akan dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB)".

Beliau masih tidak puas hati dengan jumlah pelaburan Bumiputera dalam skim itu "sekali pun angka pelaburan

setakat ini adalah agak menggalakkan".

Bercakap dalam sidang akhbar untuk mengumumkan pelancaran kempen baru pemasaran skim ASN di Dewan Taklimat, Jabatan Perdana Menteri, hari ini, beliau menegaskan:

"Saya suka menggesa dan mencabar seluruh rakyat Bumiputera yang layak supaya menyertai skim Amanah Saham Nasional ini. Saya yakin bahawa semua rakyat

Bumiputera boleh melabur dalam skim ini kerana dengan hanya \$10, kita dapat membeli saham sebagai pelaburan pokok.

"Jika kita tidak bertindak sekarang bererti kita tidak akan dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

"Selain itu, dalam menghadapi kemelesetan ekonomi dunia sekarang, saya sukalah menyeru masyarakat Bumiputera supaya terus mengamalkan sikap berjimat-cermat".

Menurut Datuk Musa, salah satu daripada cara untuk berjimat-cermat ialah melalui pelaburan di dalam skim ASN.

Timbalan Perdana Menteri selanjutnya berkata 910,091 Bumiputera telah melabur dalam skim ASN sehingga 31 Mei lalu dengan nilai pelaburan berjumlah \$493.5 juta.

Menurutnya, 329,249 dari sejumlah 1,624,103 yang layak melabur dalam kumpulan bergaji telah menyertai skim ASN dalam jangka masa tersebut.

"Bagi sektor petani pula, 184,749 dari 1,027,341 yang layak, telah pun melabur modal dan 163,816 orang suri rumah dari 1,042,688 yang layak, telah menyertai skim ASN.

"Manakala di sektor

peneroka pula, 40,954 dari 75,363 yang layak, telah melabur," jelasnya.

Beliau menambah, 667,005 pelabur membeli antara 10 hingga 100 unit, 160,449 membeli antara 101 hingga 500 unit, 28,395 membeli antara 501 hingga 1,000 unit dan 46,324 membeli antara 1,001 hingga hingga 10,000 unit.

Datuk Musa juga berkata 546 telah membeli antara 49,001 unit hingga pelaburan maksima 50,000 unit.

Beliau menjelaskan setakat ini nilai saham yang telah dijual semula oleh para pelabur berjumlah \$34 juta.

Bagaimanapun, katanya angka tersebut masih rendah jika dibandingkan dengan purata pelaburan bulanan \$19 juta.